



PROGRAM BUBUR LAMBUK, ERAT PERPADUAN KOMUNITI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 16 MAC 2024 – Sambutan bulan Ramadan 1445 H.ijrah dimeriahkan lagi dengan penganjuran Program Bubur Lambuk Komuniti Putrajaya anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama Komuniti Putrajaya, yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah Binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud, Presiden PPj.

Program bubur lambuk adalah program tahunan Perbadanan Putrajaya yang merupakan sebahagian daripada acara di bawah kalendar Program Bulan Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd (AFES) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Objektif program ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama serta mengeratkan ukhuwah di antara agensi terutama JWP & PPj bersama-sama komuniti setempat.

Sejumlah 25 buah periuk bubur lambuk akan dimasak secara bergotong-royong oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya, Ahli Jawatankuasa Surau-surau Putrajaya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Putrajaya, IPD Putrajaya, Bomba Putrajaya, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP), Persatuan Warga Emas Putrajaya (PERWEP), Pusat Aktiviti Warga Emas Putrajaya (PAWE), Kelab Usahawan Putrajaya (KUPPutra), Kelab Media Putrajaya dan juga warga JWP serta PPj.

Program bermula pada jam 8.30 pagi melibatkan sejumlah 450 orang peserta dan dibimbing oleh Ketua Chef iaitu En Roslan bin Ab Rahman, pemenang Pertandingan Memasak Bubur Lambuk 2023 Kategori Hotel & Restaurant Anjuran Menara Kuala Lumpur. Sebanyak 15,000 pek bubur lambuk ini akan diagihkan kepada komuniti setempat dan surau-surau di Putrajaya.

Turut diadakan di lokasi yang sama adalah Pertandingan Seni Khat Komuniti Putrajaya sempena Sambutan Bulan Ramadan 1445H/2024M yang melibatkan dua kategori iaitu kategori A berumur 7 sehingga 12 tahun dan Kategori B berumur 13 sehingga 17 tahun. Pemenang kedua-dua kategori ini akan membawa pulang hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.



TP. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK

Pengarah (Komunikasi Korporat)

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Mac 2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.